

Topik: Gaya Hidup Sihat (Membuat Kebab Buah)

Latar Aktiviti

Untuk penggal ini, para pelajar mendalami topik 'Gaya Hidup Sihat'. Mereka mengajukan soalan-soalan untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara-cara mengamalkan gaya hidup sihat. Guru menggalakkan murid-murid untuk membuat poster gaya hidup sihat bersama ibu bapa di rumah.



“Saya tidur secukupnya.”



“Saya dan adik berlari-lari anak.”

Menerusi sesi Tunjuk dan Ujar ini, para pelajar bertanya, “Bagaimanakah cara kita membuat makanan berkhasiat?” Setelah berbincang dan berkongsi pendapat, para pelajar bersetuju untuk membuat kebab buah. Guru bertanya kepada para pelajar, “Apakah buah-buahan yang anda rasa sesuai untuk membuat kebab buah?” Pelajar kemudian membuat senarai buah-buahan yang mereka boleh bawa ke kelas. Guru juga memberitahu ibu bapa tentang aktiviti ini dan berharap bahawa mereka akan bekerjasama untuk membawakan buah-buahan tersebut ke sekolah.

Aktiviti: Bagaimana saya boleh membuat kebab buah?

Matlamat Pembelajaran:

1. Memupuk minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
2. Membina kemahiran asas dan literasi

Objektif Pembelajaran:

Para pelajar berpeluang untuk:

1. Membuat kebab buah secara sendiri
2. Berkongsi pengalaman menggunakan ayat-ayat yang ringkas
3. Mendengar dan memahami idea rakan-rakan

Pengenalan Aktiviti

Para pelajar diberikan peluang untuk menunjukkan buah-buahan yang telah dibawa dari rumah kepada rakan-rakan. Mereka memberitahu rakan-rakan sebab mereka memilih buah-buahan tersebut.



“Saya suka makan buah anggur dan epal.”



“Saya bawa tembikai!”



“Saya suka makan buah strawberi sebab manis sangat!”

Menerusi aktiviti Tunjuk dan Ujar ini, para pelajar dapat berinteraksi dan meningkatkan keyakinan diri untuk bertutur dalam ayat-ayat yang ringkas dengan rakan-rakan. Mereka dapat berkongsi perbendaharaan kata yang baharu. Para pelajar menceritakan perihal tempat mereka membeli buah-buahan itu dan orang yang memotong buah-buahan tersebut. Mereka juga dapat berkongsi buah-buahan yang mungkin rakan-rakan lain jarang makan seperti buah naga dan buah lai. Para pelajar yang lain mendengar dan memahami cerita yang disampaikan oleh rakan mereka.

Selain itu, mereka juga berasa ghairah untuk membuat kebab buah dan berkongsi buah-buahan mereka bersama rakan-rakan.

Aktiviti Utama

Guru memberikan peluang kepada para pelajar untuk memotong buah-buahan yang senang dipotong seperti tembikai dan mangga dengan menggunakan pisau plastik. Untuk buah-buahan yang lebih keras, guru akan memotong buah-buahan tersebut. Setelah itu, para pelajar mencucukkan buah-buahan dengan menggunakan lidi.



Menggunakan Prinsip iTeach

i – Pendekatan pembelajaran bersepadu: Para pelajar dapat mempelajari domain kiraan (membuat corak ABAB, ABCABC dan sebagainya), bahasa (mengenali nama pelbagai jenis buah-buahan), pengetahuan sedunia (mengetahui isi kandungan zat pelbagai jenis buah) dan pembangunan psikomotor (mencucuk buah-buahan).

T - Guru-guru sebagai penyalaras pembelajaran: Guru memastikan para pelajar memotong buah-buahan dengan betul, mengingatkan para pelajar tentang kebersihan (mencuci tangan sebelum dan selepas memegang buah-buahan) dan bertanyakan soalan-soalan terbuka untuk merangsang para pelajar berfikir tentang aktiviti tersebut.

e - Pelibatan kanak-kanak dalam pembelajaran melalui kegiatan permainan yang bermakna: Para pelajar memberikan tumpuan dan melibatkan diri untuk membuat kebab buah secara sendiri.

a - Pembelajaran autentik melalui interaksi yang berkualiti: Para pelajar mengetahui dengan lebih lanjut tentang buah-buahan menerusi penggunaan soalan-soalan terbuka seperti “Mengapakah buah naga mempunyai banyak biji?”

c - Kanak-kanak sebagai pembina pengetahuan: Para pelajar dapat membina pengetahuan melalui perbincangan bersama rakan-rakan. Mereka bertanya soalan-soalan terbuka dan berkongsi ilmu.

h - Pembangunan holistik: Para pelajar membuat aktiviti dengan mengambil kira pelbagai aspek.

Aktiviti Penutup

Guru bertanya kepada para pelajar tentang perasaan mereka sewaktu membuat kebab buah. Mereka berasa bangga dengan rekaan kebab buah mereka dan bertanya jikalau mereka boleh membuat kebab ini dengan menggunakan sayur-sayuran. Ada juga yang berkata bahawa mereka boleh membuat salad buah-buahan. Guru membantu dengan menuliskan idea-idea tersebut di papan idea.

Selepas aktiviti ini, guru meletakkan gambar-gambar para pelajar ketika mereka sedang membuat kebab buah di papan pameran. Hal ini dapat membolehkan mereka melihat perkara-perkara yang telah dilakukan. Para pelajar berbincang tentang gambar-gambar tersebut dan berkongsi pendapat mereka.

Maklum Balas Ibu Bapa

Ibu bapa telah memberikan maklum balas yang positif. Mereka mengambil bahagian dan bekerjasama untuk membawakan buah-buahan untuk para pelajar. Ada juga ibu bapa yang membawa buah-buahan yang lebih untuk dikongsi dengan rakan-rakan yang lain.

Melalui aktiviti ini, para pelajar dilihat sebagai individu yang berkebolehan, mempunyai sifat ingin tahu, dan juga aktif untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang sesuatu perkara.

Sumbangan oleh:

Guru: Nurul Hidayah Binte Hassan

Sekolah: E-Bridge Pre-School Pte Ltd @ Blk 670 Edgefield Plains

Kelas: Peringkat K1 dan K2 (2018)